



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : ASAS KEUSAHAWANAN  
KOD KURSUS : ETR 2022  
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020  
MASA : 6 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK  
MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan

1. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan kompetensi keusahawanan?
  - A Pengorbanan.
  - B Sentiasa bersaing.
  - C Melihat dan merebut peluang.
  - D Memberi cabaran kepada orang lain.
  
2. Pernyataan manakah yang merupakan ciri bagi usahawan yang mempunyai inisiatif?
  - A Tidak mudah mengalah.
  - B Sensitif atau peka terhadap peluang.
  - C Sanggup melakukan pengorbanan peribadi demi perniagaan.
  - D Berusaha melakukan tindakan tanpa arahan daripada orang lain.
  
3. Apakah definisi usahawan menurut Richard Cantilon 1934?
  - A Individu yang mampu melihat dan menilai peluang.
  - B Individu yang membeli atau mewarisi perniagaan sedia ada.
  - C Usahawan sebagai satu ejen yang membeli alat-alat pengeluaran.
  - D Seseorang yang berinisiatif mengumpul sumber-sumber secara inovatif.
  
4. Apakah konsep keusahawanan menurut Islam?
  - A Berusaha mencari jalan penyelesaian masalah.
  - B Sensitif dan peka terhadap peluang persekitaran.
  - C Merangkumi aspek kehidupan di dunia dan di akhirat.
  - D Berupaya mengetuai sesuatu perniagaan atau industri.
  
5. Maksud entrepreneur ialah
  - A kecekalan.
  - B risiko perniagaan.
  - C merebut peluang.
  - D memikul tugas atau mencuba.

6. Apakah maksud perancangan yang sistematik?
- A Berusaha mencari jalan penyelesaian masalah.
  - B Sensitif dan peka terhadap peluang persekitaran.
  - C Merangkumi aspek kehidupan di dunia dan di akhirat.
  - D Berupaya membahagikan tugas yang besar kepada tugas yang kecil.
7. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan maklumat berkenaan demografi dalam segmen pasaran?
- A Ego.
  - B Status.
  - C Jantina.
  - D Keinginan.
8. Pernyataan manakah berikut yang **bukan** mengenai etika perniagaan?
- A Etika perniagaan akan meningkatkan imej syarikat.
  - B Usahawan yang beretika akan dapat menarik pelabur.
  - C Usahawan yang beretika sentiasa mencari kesilapan orang lain.
  - D Usahawan yang beretika sanggup menjalankan tanggungjawab sosial.
9. Apakah aspek utama dalam kreativiti di dalam penciptaan produk?
- A Proses dan aktiviti.
  - B Proses dan sumber.
  - C Proses dan manusia.
  - D Sumber dan manusia.
10. Antara produk atau perkhidmatan berikut yang manakah terhasil melalui inovasi jenis duplikasi?
- A Batik asli kepada batik digital.
  - B Telefon kepada telefon pintar.
  - C Ubat cecair kepada ubat jenis tablet.
  - D Kedai dobi kepada kedai dobi layan diri.

11. Berikut adalah kaedah-kaedah menjana idea kreatif **kecuali**
- A Kumpulan fokus.
  - B Percambahan fikiran.
  - C Analisis masalah inventori.
  - D Pengeraman dan wawasan.
12. Manakah antara berikut tidak benar mengenai persekitaran kreatif?
- A Takut melakukan perkara yang tidak mengikut norma biasa.
  - B Tidak takut menerima kesan daripada kesilapan yang dilakukan.
  - C Pihak pengurusan memberi sepenuh kepercayaan kepada pekerja.
  - D Menggunakan teknik-teknik penjana idea bagi menghasilkan produk yang lebih berkualiti.
13. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan keperluan?
- A Tuntutan semulajadi manusia.
  - B Berbeza mengikut taraf hidup.
  - C Sukar dipenuhi dan tidak terhad.
  - D Dipenuhi supaya hidup lebih selesa.
14. Yang manakah antara berikut merupakan faktor persekitaran luaran yang digunakan dalam proses mengenalpasti, menilai dan memilih peluang.
- A Ilmu.
  - B Minat.
  - C Ekonomi.
  - D Pengalaman.
15. Berikut merupakan analisis peluang-peluang perniagaan boleh dibuat berdasarkan beberapa faktor **kecuali**
- A kreativiti dan daya cipta.
  - B persaudaraan dan perkauman.
  - C perkembangan dan perubahan ekonomi.
  - D perubahan dan perkembangan teknologi.

16. Apakah cara yang terbaik untuk majikan mendapatkan sokongan daripada pekerjanya?

- A Memberi bonus setiap bulan.
- B Memberi gaji lebih kepada pekerja.
- C Sentiasa menjaga kebajikan pekerja.
- D Memberi apa sahaja pekerja mahukan.

17. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis milikan perniagaan.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Menanggung liabiliti tidak terhad</li><li>• Bilangan pemilik 2 hingga 20 orang</li></ul> |
|--|

Apakah jenis milikan perniagaan tersebut?

- A Koperasi.
- B Perkongsian.
- C Milikan tunggal.
- D Perbadanan awam.

18. Apakah peranan promosi?

- A Mengagihkan barang.
- B Menyampaikan maklumat.
- C Menstabilkan harga barang.
- D Melindungi daripada risiko kerugian.

19. Maya mendengar dan meneliti produk yang dipaparkan di skrin TV. Dia amat tertarik dengan produk tersebut. Dia terus menelefon untuk membuat pesanan.

Apakah jenis promosi tersebut?

- A Jualan terus.
- B Pengiklanan.
- C Hebahan publisiti.
- D Promosi melalui televisyen.

- 20.** Puan Maznah telah membuka kedai bunga di Kulai. Apakah cara promosi yang paling murah untuk dia menghebahkan kepada pelanggannya?
- A** Iklan melalui televisyen.
  - B** Memasang iklan di semua teksi.
  - C** Mencetak risalah untuk diedarkan.
  - D** Mempamerkan papan iklan di sepanjang lebuhraya.

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

1. Berikan definisi keusahawanan.

(3 markah)

2. Kompetensi keusahawanan adalah ciri-ciri utama yang perlu ada pada seseorang usahawan yang berjaya bagi melaksanakan fungsi-fungsi keusahawanan yang berkesan. Nyatakan **lima (5)** kompetensi keusahawanan.

(5 markah)

3. 'Usahawan dilahirkan bukan dibentuk'. Bincangkan.

(3 markah)

4. Berikan maksud etika dalam perniagaan dan nyatakan **empat (4)** prinsip-prinsip asas etika perniagaan Islam.

(5 markah)

5. Senaraikan **empat (4)** proses kreativiti.

(4 markah)

6. Pada pendapat anda, bagaimana kita ingin mewujudkan persekitaran yang kreatif?

(5 markah)

7. Senaraikan kebaikan penubuhan perniagaan milikan tunggal.

(5 markah)

8. Jelaskan **dua (2)** kelemahan perniagaan perkongsian.

(4 markah)

9. Senaraikan **tiga (3)** maklumat yang termasuk di dalam maklumat demografi bagi menentukan segmen pasaran

(3 markah)

10. Peranan dan bantuan kerajaan tidak boleh dinafikan dalam membantu usahawan menjalankan aktiviti keusahawanan di Malaysia. Senaraikan **TIGA (3)** jenis bantuan kewangan kerajaan kepada usahawan.

(3 markah)

**[40 MARKAH]**



**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Etika perniagaan merupakan isu yang menjadi keutamaan di dalam aktiviti keusahawanan. Hal ini demikian kerana prinsip-prinsip moral yang dipegang oleh usahawan semasa menjalankan perniagaan dan membezakan apa yang betul daripada yang salah dan berniaga dengan penuh rasa tanggungjawab kepada masyarakat.

a) Nyatakan **lima (5)** kepentingan etika dalam perniagaan.

(5 markah)

b) Senaraikan **lima (5)** prinsip etika dalam perniagaan.

(5 markah)

**SOALAN 2**

Rokiah telah menghasilkan jenama tudungnya .Beliau telah mempunyai ramai kenalan melalui laman sosialnya. Beliau berhajat untuk memulakan perniagaannya sendiri sahaja kerana ingin mengurus dan mengawal urus niaganya secara bersendirian di rumah. Beliau akan menggunakan kemudahan laman sosialnya itu untuk melaksanakan perniagaan secara atas talian dan berinteraksi dengan rakan-rakan serta bakal pelanggannya.

Berdasarkan kepada situasi di atas, jawab soalan - soalan berikut:

a) Apakah jenis pemilikan perniagaan Rokiah?

(1 markah)

b) Bagaimanakah kemudahan internet dapat membantu perniagaan Rokiah ?

(5 markah)

c) Senarai dan jelaskan **dua (2)** cara Rokiah boleh mengedarkan produknya?

(4 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**